

KEBERKESANAN HUBUNGAN GURU KELAS-MURID DALAM MERANGSANG KESEDARAN TERHADAP INTEGRASI ETNIK DALAM KALANGAN MURID DI BILIK DARJAH¹

Suresh Kumar N Vellymalay²

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka keberkesanan hubungan antara guru kelas dan murid dalam merangsang pembentukan hubungan etnik di persekitaran bilik darjah. Sampel kajian terdiri daripada seribu orang murid sekolah menengah di dua buah negeri iaitu Kedah dan Perak. Temu bual berstruktur berbantuan soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada murid yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti murid tanpa mengambil kira latar belakang etnik menunjukkan kerapatan yang tinggi dengan guru kelas. Hasil kajian juga mendapati bahawa hubungan antara guru kelas dengan murid amat berkesan dalam merangsang kesedaran terhadap integrasi etnik di persekitaran bilik darjah. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil murid yang mendapati bahawa hubungan antara guru kelas dengan murid tidak begitu memberangsangkan dalam merangsang kesedaran terhadap integrasi etnik di persekitaran bilik darjah. Sikap pilih kasih mengikut etnik dan sikap pandang rendah pada etnik lain oleh guru kelas dilihat sebagai antara faktor utama yang menghalang hubungan antara guru tersebut dengan murid di bilik darjah dan menjejaskan kesedaran terhadap integrasi etnik di persekitaran bilik darjah.

Kata Kunci: *guru, murid, bilik darjah, integrasi, etnik*

¹ Kajian ini dibiayai oleh Geran Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia (304/PJJauh/6311036).

² Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Emel: suresh@usm.my

EFFECTIVENESS OF CLASSROOM TEACHERS - STUDENTS RELATIONSHIP IN ETHNIC INTEGRATION STIMULATE AWARENESS AMONG STUDENTS IN CLASSROOM

Abstract

This study is aimed to explore the effectiveness of teacher-pupil relationship between class teacher and pupil in promoting ethnic relations in a classroom environment. The sample consists of one thousand pupils from secondary schools in Kedah and Perak. A structured interview in the form of a guided questionnaire was conducted to gather information from the pupils studied. The findings of the study show that regardless of their ethnicity, the majority of pupils are close with their class teachers. Furthermore, the teacher-pupil relationship is very effective in creating awareness of ethnic integration in a classroom environment. However, there are a small number of pupils who do not perceive so. According to them, favouritism and belittling other ethnic groups by their class teachers are some key factors that hinder the teacher-pupil relationship and affect pupils' awareness of ethnic integration in a classroom environment.

Keywords: teacher, pupil, classroom, integration, ethnicity

PENDAHULUAN

Menurut Gallagher, et. al. (2013), seseorang murid yang membentuk hubungan dengan individu dewasa yang cukup prihatin terhadap diri mereka berupaya untuk membina idea tentang diri sendiri. Selain itu, hubungan yang terjana bukan sahaja membolehkan murid memandu interaksi dengan individu lain malah membantu murid menghadapi cabaran berkaitan pembelajaran baharu dan pembangunan diri (Gallagher, et. al., 2013). Di persekitaran sekolah, guru merupakan individu yang diberikan mandat untuk mengajar dan mendidik murid demi menghasilkan murid yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani guru juga merupakan individu yang penting dalam menyediakan persekitaran atau ruang yang sesuai untuk interaksi dalam kalangan murid. Malah, tingkah laku guru ini mempengaruhi tingkah laku murid; dan, sebaliknya, tingkah laku murid pula mempengaruhi tingkah laku guru. Malah, tingkah laku guru juga memberi kesan ke atas kualiti hubungan antara murid dan guru (Rudasill, 2011).

Hubungan guru dan murid amat bermakna dalam membolehkan murid menyesuaikan diri dalam persekitaran bilik darjah. Banyak faktor yang mampu memberi kesan ke atas hubungan guru-murid; antaranya, sikap dan tingkah laku murid, sikap dan tingkah laku guru, pengalaman lepas dalam hubungan guru-murid dan pengaruh sosial (Murray & Murray, 2004). Kekuatan hubungan antara dua kumpulan ini dipengaruhi oleh keberkesanan iklim bilik darjah yang bergantung kepada kekuatan dan keperluan murid selain persepsi guru terhadap

tingkah laku murid di dalam bilik darjah tersebut (Saft & Pianta, 2001). Yang pasti, hubungan yang baik antara guru dan murid memberi kesan ke atas emosi, tingkah laku dan pencapaian akademik murid (Murray, et al., 2008).

Dalam konteks Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa:

“Pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Akta Pendidikan 1996).

Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini. Sehubungan itu, hubungan antara guru dan murid amat penting bagi murid untuk menyesuaikan diri dengan persekolahan, menggarap ilmu, kemahiran dan nilai melalui pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, memperkukuh tingkah laku positif di samping mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. Pada masa yang sama, hubungan ini juga amat penting dalam memperkukuh integrasi etnik dalam kalangan murid di persekitaran bilik darjah. Maka, tanpa hubungan yang berkesan antara guru dan murid, aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak mungkin dapat direalisasikan.

Pada hari ini, peranan sistem pendidikan di Malaysia dalam memperkukuh perpaduan dapat dilihat pada kurikulum dan kokurikulum, kandungan bahan pengajaran dan juga program-program sekolah. Begitu juga dengan penubuhan Sekolah Wawasan bagi menghargai kepelbagaian dan memupuk perpaduan dalam kalangan murid (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013). Namun, penekanan terhadap elemen-elemen ini semata-mata tidak mencukupi bagi mencapai makna perpaduan di persekitaran sekolah. Hal ini kerana jika diteliti secara dari satu dimensi, kejayaan tidak dapat dicapai tanpa kesungguhan dan komitmen guru untuk merealisasikan aspirasi tersebut. Elemen integriti dan komitmen yang tinggi amat perlu bagi memastikan pembentukan hubungan etnik yang kukuh di persekitaran bilik darjah. Tambahan lagi, kepelbagaian guru daripada etnik yang berbeza dan ciri-ciri teladan yang ditunjukkan oleh guru di persekitaran bilik darjah amat penting bagi murid untuk merapatkan jurang antara etnik di bilik darjah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013). Walau bagaimanapun, tanpa keberkesanan hubungan yang baik antara guru dan murid, usaha ini tidak akan membuahkan hasil.

Dalam pada itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2013) turut mengutamakan pembinaan perpaduan melalui pendidikan. Jika diperhalusi secara mendalam, peringkat pendidikan sekolah menengah lebih memaparkan persekitaran yang bersifat heterogen dengan murid daripada pelbagai jenis sekolah rendah namun sesetengah murid (khususnya daripada sekolah vernakular) kurang terdedah kepada kepelbagaian yang wujud apabila melangkah ke sekolah menengah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013). Kurangnya pendedahan terhadap kepelbagaian yang wujud di persekitaran bilik darjah dan ketidakmampuan murid untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran tersebut pasti memberi kesan terhadap integrasi etnik persekitaran di bilik darjah. Maka, peranan guru amat penting untuk merangsang dan memperkukuh kesepaduan dalam kepelbagaian yang wujud di persekitaran bilik darjah. Persoalannya, sejauhmanakah perkara ini dipandang serius oleh guru?

Banyak kajian dilakukan di luar negara berkaitan keberkesanan hubungan antara guru dan murid di sekolah. Kajian-kajian yang dilakukan ini banyak memberi tumpuan kepada bentuk hubungan antara guru dan murid dan, kesannya ke atas tingkah laku murid (Baker, J.A., Grant, S. & Morlock, L., 2008; Birch, S.H. & Ladd, G.W., 1998; Murray, C., & Murray, K. M., 2004), pencapaian akademik (Hamre, B. K., & Pianta, R. C., 2001; Murray, C., & Murray, K. M. (2004), penyesuaian di sekolah (Birch, S. H., & Ladd, G. W., 1997; Pianta, R. C., & Steinberg, M. S., 1992; Wentzel, K. R., 1998), interaksi dalam kalangan murid, sokongan emosi (Hamre, B. K., & Pianta, R. C. (2005), sokongan sosial (Wentzel, K. R., 1998) dan motivasi (Wentzel, K. R., 1997). Namun, di Malaysia kajian yang menyentuh tentang keberkesanan hubungan antara guru dan murid masih tidak menonjol apatah lagi dalam konteks pengukuhan hubungan etnik di persekitaran bilik darjah. Maka, timbul keperluan untuk mengkaji keberkesanan hubungan guru dan murid, mengenal pasti kekangan yang ada dalam hubungan tersebut dan mencari jalan penyelesaian bagi membetulkan keadaan yang timbul.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui hubungan antara murid pelbagai etnik dengan guru kelas di persekitaran bilik darjah.
2. Mengetahui hubungan antara guru kelas dengan murid dalam merangsang integrasi etnik di persekitaran bilik darjah.
3. Menerangkan persepsi murid tentang faktor-faktor yang menghalang keberkesanan hubungan antara guru kelas dan murid dalam merangsang integrasi etnik di persekitaran bilik darjah.

KAJIAN LEPAS

Hubungan guru dan murid merupakan satu elemen yang penting yang membolehkan murid menyesuaikan di sekolah. Berbeza dengan asuhan ibu bapa di rumah, guru di sekolah memainkan peranan yang penting dalam membentuk pengalaman yang bermakna bagi seseorang murid di persekitaran sekolah (Hamre, B. K., & Pianta, R. C., 2001). Dalam hal ini, seseorang guru bukan sahaja berperanan sebagai pendidik tetapi guru juga memainkan tanggungjawab yang penting dalam mempelbagaikan aktiviti untuk murid di samping merangsang dan memperkukuh interaksi dan pergaulan dalam kalangan murid di dalam bilik darjah (Yasmin Ahmad dan Najeemah Mohd Yusof (2012).

Menurut Wentzel (2002), penyesuaian murid di persekitaran sekolah amat dipengaruhi oleh kerapatan dan kerenggangan dalam hubungan antara guru dan murid. Kerapatan dalam hubungan antara guru dan murid yang ditunjukkan melalui kemesraan, kepercayaan dan darjah konflik yang rendah membolehkan seseorang murid berasa selesa dan membolehkan ia menyesuaikan diri dengan persekolahan. Kajian yang dilakukan oleh Birch & Ladd (1997) dan kajian Pianta & Steinberg (1992) turut membuktikan bahawa hubungan guru-murid mendorong penyesuaian murid di bilik darjah. Kemesraan dalam hubungan dan keberkesanan interaksi dalam bilik darjah meningkatkan pola penyesuaian murid. Dorongan penyesuaian ini juga meningkat dengan penurunan konflik dalam hubungan antara guru-murid. Menurut Hamre & Pianta (2001), keupayaan murid dalam membentuk hubungan yang positif, mesra atas dasar kepercayaan yang tinggi tanpa konflik mampu memberi kesan yang positif ke atas penyesuaian murid terhadap persekitaran pembelajaran di bilik darjah.

Hubungan antara guru dan murid mencapai tahap kualiti yang tinggi jika ia dapat memantulkan hubungan guru-murid yang benar-benar selesa dengan interaksi yang berkesan iaitu bersifat konstruktif (Gallagher, et. al., 2013). Kajian Wentzel (2002, 1997, 1998) mendapati bahawa kemesraan dan sokongan selain ekspektasi yang jelas oleh guru terhadap murid mendorong pembentukan tingkah laku yang positif dan kompeten dalam kalangan murid. Malah, sikap ambil berat dan sokongan oleh guru membolehkan murid membentuk pandangan yang positif terhadap guru dan mendorong murid menunjukkan minat dan penglibatan yang tinggi dalam aktiviti dalam bilik darjah. Justeru, peranan guru amat penting dalam merangsang interaksi dan memperkukuh hubungan persahabatan merentasi etnik dalam kalangan murid. Sebagai contoh, kajian Yasmin Ahmad dan Najeemah Mohd Yusof (2012) mendapati jarak sosial dalam kalangan murid menjadi sempit akibat peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh guru dalam mendedahkan murid melalui pelbagai aktiviti di persekitaran sekolah usaha merangsang pembentukan hubungan etnik. Sehubungan itu, peranan dan tanggungjawab guru amat diperlukan untuk membolehkan usaha pemupukan perpaduan kaum dan pembentukan integrasi nasional dapat direalisasikan dari peringkat akar umbi lagi.

Banyak kajian yang mendapati hubungan guru-murid yang berkualiti memberi kesan yang positif terhadap murid. Kajian Hamre & Pianta (2001) mendapati bahawa hubungan guru-murid amat mempengaruhi tingkah laku dan pencapaian akademik murid. Hubungan yang positif antara guru dan murid membolehkan murid menyesuaikan diri dengan baik di persekitaran sekolah dan memberi kesan yang positif ke atas disiplin dan pencapaian akademik murid. Kajian Meehan, et al. (2003) dan Murray, et al. (2008) turut mendapati bahawa hubungan guru-murid memberi kesan positif ke atas penyesuaian dan tingkah laku murid yang mempunyai risiko disiplin yang tinggi. Hubungan yang kuat dan positif antara guru dan murid mengurangkan tingkah laku agresif dalam kalangan murid. Kajian Hamre & Pianta (2005) mendapati bahawa iklim bilik darjah yang berkesan memberi kesan positif ke atas hubungan antara guru dan murid. Dalam hal ini, interaksi, keseronokan dan keterujaan yang dikenalpasti dalam bilik darjah di samping kemesraan guru mendampingi murid melalui interaksi yang berkesan memberi kesan positif terhadap sokongan emosi, disiplin dan penglibatan murid dalam aktiviti akademik. Kajian Howes, et al. (1994), mendapati bahawa sosialisasi antara guru dan murid dapat membolehkan murid membentuk hubungan sosial yang baik dalam kalangan murid. Hubungan yang rapat antara guru dan murid membolehkan murid menggarap sumber-sumber yang penting seperti sokongan emosi dan perlindungan selain membentuk ekspektasi yang positif dalam hubungan terutamanya dalam usaha membentuk hubungan dan sosialisasi di ruang bilik darjah (Birch & Ladd, 1998). Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diberi perhatian kerana hubungan yang kuat antara guru dan murid akan menyebabkan pergantungan yang tinggi oleh murid pada guru. Pergantungan yang tinggi mampu menghalang keupayaan dan potensi murid menghadapi cabaran sosial dalam bilik darjah lalu meningkatkan sikap pengasingan diri dan tingkah laku anti-sosial (Birch & Ladd, 1998).

Kelemahan hubungan atau konflik yang terbentuk antara guru dan murid pula memberi kesan negatif terhadap murid. Birch and Ladd (1997) juga mendapati bahawa konflik yang terbentuk antara guru dan murid bukan sahaja memberi kesan ke atas pola penyesuaian murid dalam aktiviti di bilik darjah malah ia menjejaskan kehadiran murid ke sekolah. Konflik yang berterusan membawa kepada tingkah laku anti-sosial. Misalnya, Kajian Birch & Ladd (1998) mendapati bahawa tingkah laku anti-sosial dalam kalangan murid berkait rapat dengan tahap konflik yang tinggi dan kerenggangan hubungan guru-murid. Terdapat juga situasi di mana guru tidak dapat membentuk hubungan yang positif dengan murid. Kajian Gallagher, et. al. (2013) mendapati bahawa guru gagal membentuk kerapatan malah menghadapi lebih banyak konflik dengan murid yang mempunyai masalah disiplin. Faktor gender, etnisiti, tingkah laku dan pencapaian akademik murid lebih dikaitkan dengan konflik antara murid dan guru jika dibandingkan dengan kerapatan. Guru gagal membentuk hubungan yang baik dengan murid yang kurang bersistematik, tidak menumpukan perhatian dalam pembelajaran dan mengamalkan sikap bermusuhan

Selain itu, hubungan antara guru dan murid juga tidak terkecuali daripada sentimen ras dan etnik. Kajian Murray & Murray (2004) mendapati bahawa latar belakang murid (khususnya bangsa) mempengaruhi persepsi guru terhadap hubungan guru-murid. Bangsa seseorang murid memainkan peranan yang penting dalam pembentukan persepsi guru terhadap kualiti hubungan antara guru dan murid. Hasil kajian Saft & Pianta (2001) pula mendapati bahawa persamaan etnik antara guru dan murid mendorong guru membentuk hubungan yang lebih baik dengan murid. Selain itu, kajian Casteel (1998) mendapati bahawa hubungan guru-murid lebih memaparkan nilai bias dari segi etnik dalam bilik darjah yang diintegrasikan dengan murid daripada etnik majoriti dan murid daripada etnik minoriti. Kajian ini membuktikan kewujudan sikap prejudis guru daripada etnik majoriti terhadap murid daripada etnik minoriti. Sikap ini bukan sahaja akan menimbulkan jarak sosial antara guru dan murid malah ia mampu memperlebar sempadan etnik dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah.

Secara ringkasnya, tingkah laku guru mempengaruhi tingkah laku murid; dan, sebaliknya, tingkah laku murid pula mempengaruhi tingkah laku guru. Dalam hal ini, hubungan yang positif antara guru dan murid amat penting bagi memastikan penyesuaian murid di persekitaran bilik darjah. Kemesraan yang ditunjukkan oleh murid dalam hubungan dan keberkesanan interaksi dalam bilik darjah memberi ruang yang bermakna kepada murid untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran di bilik darjah. Selain itu, hubungan yang baik antara guru dan murid memberi kesan yang positif ke atas sikap, tingkah laku dan pencapaian akademik murid. Guru bertindak sebagai sokongan emosi dan perlindungan kepada murid di sekolah. Malah, guru juga merupakan individu yang penting dalam merangsang interaksi dan pergaulan serta memperkukuh persahabatan merentasi etnik dalam kalangan murid di sekolah. Dalam hal ini, sikap sesetengah guru yang memperlihatkan sikap prejudis terhadap murid daripada latar belakang etnik yang berbeza bukan sahaja akan memberi kesan ke atas hubungan guru-murid malah ia turut memberi kesan ke atas pembentukan hubungan etnik dalam kalangan murid merentasi etnik di bilik darjah. Malah, kerenggangan dalam hubungan antara guru dan murid menyukarkan proses penyesuaian murid di persekitaran bilik darjah sehinggakan timbulnya konflik, tingkah laku anti-sosial, masalah disiplin dan memberi kesan ke atas pencapaian akademik murid.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, sebanyak seribu orang murid dipilih daripada sepuluh buah sekolah menengah iaitu lima buah sekolah di negeri Kedah dan lima buah sekolah lagi di negeri Perak. Daripada jumlah tersebut, 30.0% murid adalah daripada Tingkatan 1, 30.0% daripada Tingkatan 2 manakala 40.0% pula daripada Tingkatan 4. Dari segi jantina pula, 54.6% murid yang dikaji adalah lelaki manakala 45.4%

adalah perempuan. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan bilangan sampel tersebut daripada setiap tingkatan.

Kajian hubungan guru dan murid ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Temu bual berstruktur berbantuan soal selidik untuk memperoleh maklumat daripada murid berkaitan latar belakang dan keberkesanan hubungan antara guru dan murid di persekitaran bilik darjah. Soal selidik ini merangkumkan soalan tertutup (*close ended*) dan soalan terbuka (*open-ended*). Setiap murid yang terlibat dalam kajian ini dimaklumkan bahawa semua maklumat yang dikemukakan adalah sulit dan akan dirahsiakan.

Bahagian '*Latar belakang murid*' dalam soal selidik terdiri daripada soalan-soalan tertutup (*close-ended*) berkaitan negeri, tempat bersekolah, jenis sekolah, tingkatan, jantina, umur, etnik, agama dan tempat tinggal. Bahagian '*Hubungan Murid dan Guru Kelas*' merangkumi soalan '*Adakah anda rapat dengan guru kelas di bilik darjah anda?*' yang mengukur kerapatan murid dengan guru di bilik darjah. Bahagian '*Hubungan Guru Kelas dan Murid*' pula terdiri daripada soalan-soalan yang mengukur keberkesanan hubungan antara guru dengan murid dalam memupuk hubungan merentasi etnik di bilik darjah. Bahagian ini merangkumi soalan-soalan seperti '*Adakah guru kelas anda bersikap adil kepada semua murid tanpa mengira etnik di dalam bilik darjah?*', '*Adakah guru kelas anda menggalakkan hubungan antara etnik dalam kalangan murid di dalam bilik darjah?*', '*Adakah guru kelas anda mengambil berat terhadap murid di bilik darjah tanpa mengira etnik?*' dan '*Adakah guru kelas anda banyak membantu murid daripada bangsanya sendiri?*' Kesemua soalan dalam bahagian ini adalah berbentuk soalan tertutup (*close-ended*) yang mempunyai dua pilihan jawapan iaitu (1) Ya dan (2) Tidak. Bagi setiap soalan yang dijawab 'Tidak', murid diminta untuk memberikan alasan atas pemilihan jawapan tersebut.

Data yang diperoleh dianalisis dengan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Untuk kajian ini, analisis statistik jadual silang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan statistik asas dan dapatan kajian tersebut dihuraikan dalam bentuk jadual peratusan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian pada bahagian ini akan dibincangkan dalam tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan keberkesanan hubungan antara murid dengan guru kelas dalam merangsang pembentukan hubungan etnik dalam kalangan murid di persekitaran bilik darjah (Jadual 1). Bahagian kedua pula membincangkan keberkesanan hubungan antara guru kelas dan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah (Jadual 2). Tambahan lagi, bahagian ketiga membincangkan pandangan murid tentang faktor-faktor yang menghalang guru kelas daripada membentuk hubungan yang berkesan dengan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah (Jadual 3).

Hubungan antara murid dengan guru kelas di persekitaran sekolah

Jadual 1 menunjukkan keberkesanan hubungan antara murid dengan guru kelas merangsang pembentukan hubungan etnik dalam kalangan murid di persekitaran bilik darjah. Data pada jadual tersebut diperoleh daripada 54.7% murid yang beretnik Melayu, 24.4% etnik Cina dan 20.9% etnik India yang telah dipilih sebagai responden kajian.

Jadual 1: Kerapatan murid dengan guru kelas di persekitaran bilik darjah.

Bangsa	Kerapatan murid dengan guru kelas di bilik darjah		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	46.1	8.6	54.7
Cina	18.8	5.6	24.4
India	19.7	1.2	20.9
Jumlah	84.6	15.4	100.0

n=1000

Berdasarkan Jadual 1, Item *Kerapatan murid dengan guru kelas di bilik darjah* menunjukkan bahawa sejumlah 84.6% murid iaitu 46.1% murid Melayu, 18.8% murid Cina dan 19.7% murid India mengatakan bahawa mereka menunjukkan kerapatan yang tinggi dengan guru kelas di bilik darjah. Dapatan ini menunjukkan bahawa rata-rata hubungan antara murid dan guru kelas di persekitaran bilik darjah adalah positif dan agak memberangsangkan.

Hubungan antara guru kelas dengan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah

Berdasarkan Jadual 2, hasil kajian mendapati bahawa hubungan antara guru kelas dan murid pada keseluruhannya adalah baik. Item *Guru kelas banyak membantu murid dalam masalah pembelajaran tanpa mengira etnik di bilik darjah* menunjukkan bahawa sebanyak 54.6% murid Melayu mengatakan bahawa guru kelas mereka banyak membantu murid yang berhadapan dengan masalah dalam pembelajaran tanpa mengira latar belakang etnik murid. Begitu juga dengan 24.4% murid Cina dan 20.5% murid India yang menyatakan pandangan yang sama. Item *Guru kelas banyak membantu murid daripada bangsa sendiri di bilik darjah* pula menunjukkan bahawa sebanyak 42.7% murid Melayu menyatakan bahawa guru kelas banyak membantu murid merentasi etnik berbanding membantu bangsanya sendiri manakala 12.0% murid menyatakan bahawa guru kelas hanya membantu murid daripada bangsanya sendiri. Bagi murid Cina, sebanyak 14.2% murid menyatakan bahawa guru kelas banyak membantu murid merentasi etnik berbanding membantu bangsanya sendiri manakala 10.2% murid menyatakan bahawa guru kelas hanya membantu murid daripada bangsanya sendiri. Namun

demikian, sebanyak 18.1% murid India mengatakan bahawa guru kelas banyak membantu murid merentasi etnik berbanding 2.8% yang mengatakan tidak.

Jadual 2: Keberkesanan hubungan antara guru kelas dengan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah.

Bangsa	Guru kelas banyak membantu murid dalam masalah pembelajaran tanpa mengira etnik di bilik darjah		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	54.6	0.1	54.7
Cina	24.4	0.0	24.4
India	20.5	0.4	20.9
Jumlah	99.5	0.5	100.0
Bangsa	Guru kelas banyak membantu murid daripada bangsa sendiri di bilik darjah		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	12.0	42.7	54.7
Cina	10.2	14.2	24.4
India	2.8	18.1	20.9
Jumlah	25.0	75.0	100.0
Bangsa	Guru kelas bersikap adil kepada semua murid tanpa mengira etnik di bilik darjah		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	44.0	10.7	54.7
Cina	20.6	3.8	24.4
India	18.7	2.2	20.9
Jumlah	83.3	16.7	100.0
Bangsa	Guru kelas menggalakkan hubungan antara etnik di bilik darjah		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	54.4	0.3	54.7
Cina	19.7	4.7	24.4
India	14.3	6.6	20.9
Jumlah	88.4	11.6	100.0
Bangsa	Guru kelas mengambil berat terhadap murid tanpa mengira etnik di bilik darjah		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	48.6	6.1	54.7
Cina	24.0	0.4	24.4
India	19.5	1.4	20.9
Jumlah	92.1	7.9	100.0
Bangsa	Guru kelas mencelah apabila timbul salah faham antara murid pelbagai etnik dalam bilik darjah		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	36.3	18.4	54.7
Cina	17.5	6.9	24.4
India	13.9	7.0	20.9
Jumlah	67.7	32.3	100.0
Bangsa	Guru kelas berkongsi pengalaman persahabatannya merentasi etnik di bilik darjah		Jumlah

Keberkesanan Hubungan Guru Kelas-Murid Dalam Merangsang Kesedaran Terhadap
Integrasi Etnik Dalam Kalangan Murid Di Bilik Darjah¹
Suresh Kumar N Vellymalay¹

	Ya	Tidak	
Melayu	44.2	10.5	54.7
Cina	19.3	5.1	24.4
India	15.3	5.6	20.9
Jumlah	78.8	21.2	100.0
Bangsa	Guru kelas memanggil murid dengan panggilan tertentu yang menghina etnik murid di bilik darjah		Jumlah
	Ya	Tidak	
Melayu	2.6	52.1	54.7
Cina	4.8	19.6	24.4
India	5.9	15.0	20.9
Jumlah	13.3	86.7	100.0

n=1000

Selain itu, bagi item *Guru kelas bersikap adil kepada semua murid tanpa mengira etnik di bilik darjah*, sebanyak 44.0% murid Melayu, 20.6% murid Cina dan 18.7% murid India mengatakan bahawa guru kelas mereka bersikap adil kepada semua murid tanpa mengira etnik dalam bilik darjah. Item *Guru kelas menggalakkan hubungan antara etnik di bilik darjah* menunjukkan bahawa sebanyak 54.4% murid Melayu dan 19.7% murid Cina mengatakan bahawa guru kelas mereka menggalakkan hubungan antara etnik dalam kalangan murid dalam bilik darjah. Sebanyak 14.3% murid India menyatakan bahawa guru kelas mereka juga menggalakkan hubungan antara etnik dalam kalangan murid dalam bilik darjah. Bagi item *Guru kelas mengambil berat terhadap murid tanpa mengira etnik di bilik darjah* sebanyak 48.6% murid Melayu mengatakan bahawa guru kelas mengambil berat terhadap murid di bilik darjah tanpa mengira etnik. Begitu juga dengan 24.0% murid Cina dan 19.5% murid India yang menyatakan pandangan yang sama. Didapati bagi item *Guru kelas mencelah apabila timbul salah faham antara murid pelbagai etnik dalam bilik darjah* bahawa 36.3% murid Melayu mengatakan bahawa guru kelas mencelah apabila timbul salah faham antara murid pelbagai etnik dalam bilik darjah manakala 18.4% murid Melayu mengatakan bahawa guru kelas mereka tidak bertindak sedemikian. Sebanyak, 17.5% murid Cina dan 13.9% murid India menyatakan bahawa guru kelas mereka mencelah apabila timbul salah faham antara murid pelbagai etnik dalam bilik darjah.

Di samping itu, item *Guru kelas berkongsi pengalaman persahabatannya merentasi etnik di bilik darjah* menunjukkan bahawa 44.2% murid Melayu mengatakan bahawa guru kelas berkongsi pengalaman persahabatan mereka merentasi etnik dengan murid manakala 10.5% murid Melayu mengatakan bahawa guru kelas mereka tidak berbuat begitu. Sebanyak, 19.3% murid Cina dan 15.3% murid India menyatakan bahawa guru kelas mereka berkongsi pengalaman persahabatan mereka merentasi etnik dengan murid. Akhir sekali, item *Guru kelas memanggil murid dengan panggilan tertentu yang menghina etnik murid di bilik darjah* menunjukkan bahawa sebanyak 52.1% murid Melayu, 19.6% murid Cina

dan 15.0% murid India mengatakan bahawa guru kelas tidak memanggil mereka dengan panggilan tertentu yang menghina etnik mereka.

Halangan dalam hubungan antara guru kelas dengan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah.

Jadual 2 telah memberi gambaran yang jelas tentang keberkesanan hubungan antara guru kelas-murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga sekelompok murid yang memberikan jawapan berbentuk negatif yang memperlihatkan bentuk hubungan guru-murid yang tidak berkesan. Maka, analisis dilakukan ke atas pandangan murid ini tentang faktor-faktor yang menghalang guru daripada membentuk hubungan yang berkesan dengan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah (rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Pandangan murid terhadap faktor-faktor yang menghalang guru kelas daripada membentuk hubungan yang berkesan dengan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah.

Bangsa	Faktor yang mendorong guru kelas banyak membantu murid daripada bangsa sendiri di bilik darjah				Jumlah
	Pilih kasih etnik sendiri	Pandang rendah pada etnik lain	Kemarahan pada etnik lain	Tidak selesa dengan pelajar etnik lain	
Melayu	24.0	10.4	12.0	1.6	48.0
Cina	10.0	26.0	2.4	1.6	40.0
India	5.6	3.2	3.2	0.0	12.0
Jumlah (n=250)	39.6	39.6	17.6	3.2	100.0
Bangsa	Faktor yang menghalang sikap adil oleh guru kelas kepada semua murid tanpa mengira etnik di bilik darjah			Jumlah	
	Pilih kasih etnik sendiri	Pandang rendah pada etnik lain	Kerap memarahi etnik lain		
Melayu	58.7	3.6	1.8	64.1	
Cina	13.2	7.8	1.8	22.8	
India	5.4	6.6	1.2	13.2	
Jumlah (n=167)	77.2	18.0	4.8	100.0	
Bangsa	Faktor yang menghalang guru kelas daripada menggalakkan hubungan antara etnik dalam kalangan murid di bilik darjah				Jumlah
	Pilih kasih etnik sendiri	Pandang rendah pada etnik lain	Kemarahan pada etnik lain	Tidak mesra	

Keberkesanan Hubungan Guru Kelas-Murid Dalam Merangsang Kesedaran Terhadap
Integrasi Etnik Dalam Kalangan Murid Di Bilik Darjah¹
Suresh Kumar N Vellymalay¹

Melayu	0.0	0.0	1.7	0.9	2.6				
Cina	39.7	0.9	0.0	0.0	40.5				
India	55.2	1.7	0.0	0.0	56.9				
Jumlah (n=116)	94.8	2.6	1.7	0.9	100.0				
Bangsa	Faktor yang menghalang guru kelas daripada mencelah apabila timbul salah faham antara murid pelbagai etnik dalam bilik darjah							Jumlah	
	Tidak mahu campurtangan	Takut dipukul	Bukan melibatkan murid daripada etniknya	Menganggap ia perkara biasa					
Melayu	30.3	13.9	12.7	0.0	57.0				
Cina	5.9	14.2	0.6	0.6	21.4				
India	2.2	19.5	0.0	0.0	21.7				
Jumlah (n=323)	38.4	47.7	13.3	0.6	100.0				
Bangsa	Faktor yang menghalang guru kelas daripada berkongsi pengalaman persahabatan merentasi etnik di bilik darjah							Jumlah	
	Mungkin ia sendiri tiada pengalaman yang baik	Mungkin tidak mahu mendedahkan peribadi	Mungkin dirasakan tidak perlu	Tiada masa					
Melayu	37.7	7.1	3.8	0.9	49.5				
Cina	9.0	7.1	2.4	5.7	24.1				
India	4.7	20.3	0.9	0.5	26.4				
Jumlah (n=212)	51.4	34.4	7.1	7.1	100.0				
Bangsa	Faktor yang mendorong guru kelas memanggil murid dengan panggilan tertentu yang menghina etnik di bilik darjah							Jumlah	
	Pilih kasih etnik sendiri	Pandang rendah pada etnik lain	Kemarahan pada etnik lain	Tidak selesa dengan murid etnik lain	Tidak cukup pengetahuan / rasional	Pandang rendah pada agama etnik lain	Tidak mesra		
Melayu	4.5	3.0	4.5	5.3	2.3	0.0	0.0	19.5	
Cina	21.1	9.0	1.5	1.5	0.8	1.5	0.8	36.1	
India	34.6	1.5	0.0	3.8	1.5	1.5	1.5	44.4	
Jumlah (n=133)	60.2	13.5	6.0	10.5	4.5	3.0	2.3	100.0	

Jadual 3 menunjukkan pandangan murid terhadap faktor-faktor yang menghalang guru daripada membentuk hubungan yang berkesan dengan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah. Analisis ini hanya dilakukan ke atas

item yang menunjukkan jawapan negatif lebih daripada 10.0%. Maka, dua item yang menunjukkan nilai yang sangat kecil iaitu kurang daripada 10.0% iaitu '*Guru kelas banyak membantu murid dalam masalah pembelajaran tanpa mengira etnik di bilik darjah*' dan '*Guru kelas mengambil berat terhadap murid tanpa mengira etnik di bilik darjah*' telah disingkirkan daripada analisis. Hal ini kerana dua item ini tidak memberi kesan yang tinggi ke atas perkara yang dikaji.

Berdasarkan Jadual 3, bagi item '*Faktor yang mendorong guru kelas banyak membantu murid daripada bangsa sendiri di bilik darjah*' (n=250), Didapati sebanyak 39.6% murid iaitu murid Melayu (24.0%), Cina (10.0%) dan India (5.6%) mengandaikan bahawa guru kelas bersifat pilih kasih pada murid daripada etnik sendiri. Sebanyak 39.6% murid lain meliputi 10.4% murid Melayu, 26.0% murid Cina dan 3.2% murid India berpendapat bahawa guru kelas memandang rendah pada murid daripada etnik lain. Sebanyak 17.6% murid berpendapat bahawa kemarahan guru kelas pada murid daripada etnik lain menyebabkan masalah ini manakala 3.2% murid berpendapat bahawa guru kelas berasa tidak selesa akan kehadiran murid daripada etnik lain di bilik darjah. Bagi item '*Faktor yang menghalang sikap adil oleh guru kelas kepada semua murid tanpa mengira etnik di bilik darjah*', daripada jumlah 167 orang murid sebanyak 64.1% adalah murid Melayu, 22.8% adalah murid Cina dan selainnya murid India. Bagi item '*Faktor yang menghalang sikap adil oleh guru kelas kepada semua murid tanpa mengira etnik di bilik darjah*' (n=167), sebanyak 77.2% murid berpendapat bahawa guru kelas bersifat pilih kasih pada murid daripada etnik sendiri. Peratusan ini merangkumi 58.7% murid Melayu, 13.2% murid Cina dan 5.4% murid India. Sebanyak 18.0% murid yang berpendapat bahawa guru kelas memandang rendah pada murid daripada etnik lain manakala 4.0% murid yang lain berpendapat bahawa kemarahan guru kelas pada murid daripada etnik lain menyebabkan masalah ini. Bagi item '*Faktor yang menghalang guru kelas daripada menggalakkan hubungan antara etnik dalam kalangan murid di bilik darjah*' (n=116), sikap pilih kasih guru terhadap murid daripada etniknya sendiri merupakan andaian utama bagi majoriti murid (94.8%) iaitu murid Cina (39.7%) dan India (55.2%).

Bagi item '*Faktor yang menghalang guru kelas daripada mencelah apabila timbul salah faham antara murid pelbagai etnik dalam bilik darjah*' (n=323), sebanyak 38.4% murid berpendapat bahawa guru kelas tidak mahu bercampur tangan dalam masalah yang dihadapi oleh murid. Peratusan ini merangkumi 30.3% murid Melayu, 5.9% murid Cina dan 2.2% murid India. Sebanyak 47.7% murid yang berpendapat bahawa guru kelas berasa takut dipukul oleh murid jika bertindak dalam hal ini manakala 13.3% murid yang lain berpendapat bahawa guru kelas mengamalkan sikap acuh tidak acuh memandangkan perkara tersebut tidak melibatkan murid daripada etniknya. Selainnya, menganggap salah-faham dalam kalangan murid merupakan satu kebiasaan di bilik darjah dan dianggap perkara biasa oleh guru kelas. Bagi item '*Faktor yang menghalang guru kelas daripada berkongsi pengalaman persahabatan merentasi etnik di bilik darjah*' (n=212),

sebanyak 51.4% murid berpendapat bahawa guru kelas tidak berkongsi pengalaman persahabatan merentasi etnik di bilik darjah. Peratusan ini merangkumi 49.5% murid Melayu, 24.1% murid Cina dan 26.4% murid India. Sebanyak 51.4% murid berpendapat bahawa guru kelas tidak mempunyai pengalaman yang baik berkaitan persahabatan merentasi etnik manakala 34.4% murid yang lain berpendapat bahawa guru kelas mungkin tidak gemar mendedahkan peribadi berkaitan perkara tersebut. Selainnya, 7.1% murid berpendapat bahawa guru mungkin berasa ia tidak perlu dibincangkan di dalam bilik darjah manakala 7.1% murid yang lain pula berpendapat guru tidak mempunyai masa untuk menerangkan perkara ini kerana ia mungkin mengurangkan masa pengajaran. Bagi item '*Faktor yang mendorong guru kelas memanggil murid dengan panggilan tertentu yang menghina etnik di bilik darjah*' (n=133), sebanyak 60.2% murid berpendapat bahawa guru kelas bertindak sedemikian kerana sifat pilih kasih yang dimiliki pada murid daripada etnik sendiri manakala 13.5% murid berpendapat bahawa guru kelas memandang rendah pada murid daripada etnik lain. Tambahan lagi, sebanyak 10.5% murid berpendapat bahawa guru kelas berasa tidak selesa akan kehadiran murid daripada etnik lain di bilik darjah. Selainnya, menganggap perkara ini berlaku disebabkan kemarahan guru pada etnik lain, guru tidak cukup pengetahuan, pandang rendah pada agama etnik lain dan juga sikap guru yang tidak mesra kepada murid.

PERBINCANGAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan hubungan dua hala iaitu antara murid dengan guru kelas dan sebaliknya iaitu antara guru kelas dengan murid dalam merangsang integrasi etnik di persekitaran bilik darjah. Tambahan lagi, kajian ini bertujuan untuk menerangkan persepsi murid terhadap faktor-faktor yang menghalang guru kelas daripada membentuk hubungan yang berkesan dengan murid dalam merangsang integrasi etnik di persekitaran bilik darjah.

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti murid membentuk hubungan yang rapat dengan guru kelas di bilik darjah. Dari segi keberkesanan hubungan antara guru kelas dan murid pula, majoriti murid juga menyatakan bahawa guru kelas banyak membantu murid dalam masalah pembelajaran tanpa mengambil kira perbezaan etnik murid. Guru kelas juga didapati tidak bias atau pilih kasih terhadap murid daripada etnik sendiri dalam soal membantu murid. Selain itu, guru kelas juga bersikap adil kepada semua murid, mengambil berat dan menggalakkan hubungan antara etnik di persekitaran bilik darjah. Majoriti murid juga mendapati bahawa guru kelas gemar berkongsi pengalaman persahabatan merentasi etnik, mudah mencelah dan membantu murid apabila timbul salah-faham dalam kalangan murid berbeza etnik dan tidak memanggil murid dengan panggilan yang menghina etnik murid di bilik darjah.

Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat dijelaskan berkaitan pandangan murid tentang keberkesanan hubungan antara guru kelas dan murid dalam merangsang integrasi etnik di persekitaran bilik darjah. Pertama, guru sebagai pendidik bukan sahaja diberikan mandat untuk mendidik murid bagi mencapai kecemerlangan tetapi juga bertindak sebagai model peranan bagi merangsang, memperkukuh dan memperkasa pembentukan hubungan etnik dalam kalangan murid. Guru juga berupa cermin ikutan murid menyebabkan setiap tingkah laku guru dipelajari dan dicontohi oleh murid. Maka, sikap keterbukaan minda guru dan kesediaan serta komitmen guru kelas untuk membantu murid tanpa mengambil kira latar belakang etnik dapat difahami dan dihayati oleh murid. Situasi ini mendorong rasa hormat dan membentuk kerapatan murid dengan guru kelas mereka. Kedua, murid mampu memahami jasa dan pengorbanan guru kelas dalam mendidik mereka mencapai insan yang bersatu-padu dan berjaya pada masa hadapan. Maka, sikap ambil berat yang ditunjukkan oleh guru kelas terhadap murid tanpa mengambil kira batasan etnik membentuk pandangan yang positif terhadap guru tersebut. Murid juga dapat memahami harapan dan ekspektasi guru kelas daripada murid bagi memastikan murid mencapai kecemerlangan dalam pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam hidup. Ketiga, murid juga mampu memahami peranan guru dalam memastikan segala perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dapat membantu kejayaan murid dalam pendidikan. Keempat, murid juga mungkin telah mendapat sokongan emosi yang baik daripada guru kelas dalam mengharungi persekitaran pendidikan yang mencabar pada masa kini. Kelima, pengalaman lampau guru kelas berkaitan persahabatan merentasi etnik juga berkemungkinan mengukuhkan kualiti hubungan dengan murid pelbagai etnik pada masa kini. Pada masa yang sama, penerimaan ilmu, kemahiran dan nilai oleh guru kelas ketika di bangku persekolahan dahulu terutamanya daripada tunjuk-ajar guru daripada etnik yang berbeza mampu menyedarkan mereka tentang keperluan transformasi ilmu kepada murid tanpa mengambil kira etnik. Kesedaran terhadap jasa dan pengorbanan guru kelas mereka mungkin mendorong golongan ini memegang prinsip yang sama dalam tuntutan mendidik murid pelbagai etnik.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil murid yang berpendapat bahawa hubungan guru kelas dengan murid dalam merangsang integrasi etnik di persekitaran bilik darjah tidak memberangsangkan. Murid dalam kategori ini mengemukakan beberapa faktor yang dilihat menghalang guru kelas daripada membentuk hubungan yang berkesan dengan murid di persekitaran bilik darjah. Sikap pilih kasih terhadap murid daripada etnik sendiri dan sikap pandang rendah pada etnik lain dilihat sebagai faktor yang menghalang guru kelas daripada membantu murid merentasi etnik. Sikap ini mendorong guru kelas untuk memberi kepentingan yang lebih tinggi kepada murid daripada etniknya sendiri. Sikap ini juga dilihat sebagai penghalang kepada usaha guru kelas menggalakkan hubungan antara etnik dalam kalangan murid di bilik darjah. Sikap pilih kasih, sikap pandang rendah terhadap etnik lain beserta perasaan tidak selesa dengan murid etnik lain

juga dipercayai mendorong guru kelas memanggil murid dengan panggilan yang menghina etnik murid di bilik darjah. Tambahan lagi, segelintir murid juga berpendapat bahawa guru kelas tidak mencelah dan membantu apabila timbul salah-faham dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah kerana sikap mereka yang tidak mahu campur tangan dalam salah-faham murid, perasaan takut dipukul jika bertindak dan sikap tidak kisah memandangkan salah-faham yang timbul tidak melibatkan murid daripada etniknya. Di samping itu, segelintir murid juga berpendapat bahawa ketiadaan pengalaman yang baik dalam kalangan guru kelas tentang persahabatan merentasi etnik dan sikap tidak mahu mendedahkan perkara yang mungkin dianggap peribadi menghalang guru kelas daripada berkongsi pengalaman persahabatan merentasi etnik dengan murid di persekitaran bilik darjah.

Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat dijelaskan berkaitan persepsi murid tentang ketidakberkesanan hubungan antara guru kelas dan murid dalam merangsang integrasi etnik di persekitaran bilik darjah. Walaupun jumlah murid dalam kategori ini tidak banyak namun pandangan negatif boleh memperlihatkan implikasi yang tinggi bukan sahaja bagi murid atau guru tetapi juga kepada sistem pendidikan negara. Sehubungan itu, salah satu kemungkinan bagi murid berpendapat sebegitu adalah kerana pengalaman pahit yang mungkin pernah dilalui oleh murid di sekolah menyebabkan murid hilang kepercayaan pada guru kelas. Selain itu, sikap dan tingkah laku murid yang tidak memberi tumpuan dalam pembelajaran dan disiplin murid yang tidak meyakinkan dalam bilik darjah juga kadang-kadang menyebabkan guru kelas tidak banyak memberi perhatian kepada sesetengah murid. Teguran guru kelas terhadap murid yang bermasalah dalam bilik darjah turut memburukkan keadaan lalu menyebabkan murid meletakkan persepsi negatif terhadap guru kelas.

Kajian ini memperlihatkan beberapa implikasi. Pertama, sekolah perlu dijadikan medan pemupukan hubungan etnik. Dalam hal ini, guru merupakan pemangkin kepada kejayaan yang diaspirasikan ini. Sehubungan itu, pengambilan guru untuk bidang keguruan perlu menitikberatkan individu yang benar-benar memiliki personaliti yang unggul dan memaparkan keterbukaan minda terhadap soal agama, ras dan etnik. Selain itu, pengambilan guru juga perlu mencakupi elemen kematangan dalam keupayaan berfikir dan ketelusan komunikasi selain keupayaan dalam menerapkan nilai integriti yang tinggi dalam merealisasikan makna integrasi etnik melalui perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kedua, guru perlu membentuk pelan tindakan yang komprehensif untuk melentur murid-murid yang berhadapan dengan masalah akademik dan juga masalah disiplin dengan meletakkan kelompok murid ini dalam konteks mento-menti bagi membentuk hubungan yang positif antara guru dan murid. Dengan cara ini, permasalahan murid dapat dikenalpasti dan jalan penyelesaian dapat diambil. Ia juga menyediakan ruang sosialisasi dan mampu memperkukuh jalinan kerapatan antara murid dengan guru. Ketiga, guru perlu terus diberi latihan pengukuhan berkaitan komunikasi efektif bagi menjamin

penggunaan bahasa dan kemahiran komunikasi dalam penyampaian ilmu dan juga maklumat kepada murid. Ia dapat mengelakkan penggunaan bahasa atau perkataan yang mampu mengungkitkan sensitiviti kaum.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Kajian ini hanya dilakukan di dua buah negeri sahaja iaitu Perak dan Kedah. Kajian di peringkat negara berkaitan keberkesanan hubungan guru-murid dan rangsangan hubungan etnik mampu menghasilkan dapatan yang lebih menarik. Selain itu, kajian ini hanya menumpukan perhatian di sekolah menengah. Oleh sebab asas pembentukan hubungan etnik dalam kalangan murid bermula dari sekolah rendah lagi maka kajian sebegini menjadi lebih bermakna jika dilakukan di peringkat tersebut untuk mengenal pasti keberkesanan hubungan guru-murid dan langkah memperkukuh pembentukan hubungan etnik dalam kalangan murid. Tambahan lagi, kajian ini juga tidak mengambil kira kesan daripada pembentukan hubungan guru-murid yang tidak efektif kepada guru dan juga murid. Kajian juga mampu menghasilkan dapatan yang menarik jika pemfokusan dilakukan pada usaha mengenal pasti latar belakang, ciri-ciri dan personaliti guru yang membentuk hubungan guru-murid yang berkesan dalam merangsang hubungan etnik di persekitaran bilik darjah. Maka, kajian akan datang perlu mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan tersebut.

RUJUKAN

- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih. (1998). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Baker, J.A., Grant, S. & Morlock, L. (2008). The Teacher-Student Relationship as a Developmental Context for Children with Internalizing or Externalizing Behavior Problems. *School Psychology Quarterly*, 23(1), 3-15.
- Birch, S. H., & Ladd, G. W. (1997). The teacher-child relationship and children's early school adjustment. *Journal of School Psychology*, 35, 61-79.
- Birch, S.H., Ladd, G.W. (1998). Children's Interpersonal Behaviors and the Teacher-Child Relationship. *Developmental Psychology*, 34(5), 934-946.
- Casteel, C.A. (1998) Teacher-Student Interactions and Race in Integrated Classrooms. *The Journal of Educational Research*, 92(2), 115-120.
- Gallagher, K.C., Kainz, K., Vernon-Feagans, L. & White, K.M. (2013). Development of Student-teacher Relationship in Rural Early Elementary Classrooms. *Early Childhood Research Quarterly*, 28, 520-528.
- Hamre, B. K., & Pianta, R. C. (2001). Early Teacher-Child Relationships and the Trajectory of Children's School Outcomes Through Eighth Grade. *Child Development*, 72, 625- 638.
- Hamre, B. K., & Pianta, R. C. (2005). Can instructional and emotional support in the first-grade classroom make a difference for children at risk of school failure? *Child Development*, 76(5), 949-967.
- Howes, C., Hamilton, C. E. & Matheson C.C. (1994). Children's Relationships with Peers: Differential Associations with Aspects of the Teacher-Child Relationship. *Child Development*, 65(1), 253-263.
- Meehan, B. T., Hughes, J. N., & Cavell, T. A. (2003). Teacher-Student Relationships as Compensatory Resources for Aggressive Children. *Child Development*, 74(4), 1145-1157.
- Murray, C., & Murray, K. M. (2004). Child level correlates of teacher-student relationships: An examination of demographic characteristics, academic orientations, and behavioral orientations. *Psychology In The Schools*, 41(7), 751-762.

- Murray, C., Waas, G. A., & Murray, K. M. (2008). Child race and gender as moderators of the association between teacher–child relationships and school adjustment. *Psychology In The Schools*, 45(6), 562-578.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2013). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pianta, R. C., & Steinberg, M. S. (1992). Teacher–child relationships and the process of adjusting to school. *New Directions for Child Development*, 57, 61–80
- Rudasill, K.M. (2011). Child Temperament, Teacher–Child Interactions, and Teacher–Child Relationships: A Longitudinal Investigation from First to Third Grade. *Early Childhood Research Quarterly*, 26, 147–156.
- Saft, E. W., & Pianta, R. C. (2001). Teachers' Perceptions of Their Relationships with Students: Effects of Child Age, Gender, and Ethnicity of Teachers and Children. *School Psychology Quarterly*, 16(2), 125-141.
- Wentzel, K. R. (2002). Are Effective Teachers Like Good Parents? Teaching Styles and Student Adjustment in Early Adolescence. *Child Development*, 73, 287– 301.
- Wentzel, K. R. (1997). Student Motivation in Middle School: The Role of Perceived Pedagogical Caring. *Journal of Educational Psychology*, 89, 411–419.
- Wentzel, K. R. (1998). Social Support and Adjustment in Middle School: The Role Of Parents, Teachers, and Peers. *Journal of Educational Psychology*, 90, 202–209.
- Yasmin Ahmad dan Najeemah Mohd Yusof. (2012). Social Distance and Ethnic Boundary among Pupils in Multiethnic and Monoethnic School Environment in Malaysia. *Science Journal of Sociology & Anthropology*, 2, 1-17 [Internet]. Dicapai pada 3 September 2014. <http://www.sjpub.org/sjsa/yasmin-et-al.pdf>